

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

HSM 214 Pensejarahan Malaysia

Masa : [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** [4] soalan sahaja.

1. Pensejarahan Malaysia telah mengalami perubahan besar selepas tahun 1950. Bincangkan dari sudut manakah perubahan-perubahan itu berlaku.
2. "Motif sesuatu penulisan mencerminkan pensejarahan yang dihasilkan". Dengan merujuk kepada tujuan pengkaryaan **Sejarah Melayu**, bincangkan kenyataan ini.
3. Sejauh manakah sastera rakyat dapat digunakan sebagai sumber sejarah dalam penulisan sejarah masyarakat yang tidak meninggalkan sebarang dokumen bertulis?
4. "Kalau boleh, Tengku, sahaya pohonkan kepada Allah, janganlah kiranya dihidupkannya sahaya dalam Negeri Melayu. Dan lagi diajukan Allah berdekat dengan raja-raja kerana orang-orang yang hampir kepada raja-raja itu seperti bersahabat dengan ular yang bisa, maka salah sedikit dipagutnya biji mata". (Munsyi Abdullah)

Berdasarkan petikan ini bincangkan apakah bentuk sudut pandangan Munsyi Abdullah menerusi karyanya **Kisah Pelayaran Abdullah** dan perkara-perkara yang mempengaruhi sudut pandangannya itu.

5. Dengan meneliti tulisan Frank Swettenham, Rupert Emerson dan Khoo Kay Kim berhubung isu campur tangan British di Negeri-negeri Melayu pada tahun 1874, pada pendapat anda sudut pandangan manakah yang lebih munasabah?
6. "Tulisan Yoji Akashi dianggap memadai untuk menerangkan sejarah sosio-politik zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu". Setujukah anda?

..../2

7. Sejauh manakah tulisan Lai Ah Eng dapat menggambarkan masalah sosial yang dihadapi oleh wanita China di Tanah Melayu di zaman kolonial?
8. Dengan merujuk kepada ‘komplot Melayu’ (1859-1860), bincangkan bagaimana pensejarahan zaman pemerintahan Brooke di Sarawak telah ditulis.

--oo000oo--